

Dana lebih besar cegah banjir dalam RMKe-11

» SOP dikaji semula hadapi kemungkinan bah lebih serius

Oleh Norakmah Mat Youb
norakmah@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kerajaan komited menyediakan peruntukan lebih besar dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) bagi pelaksanaan projek pencegahan banjir, kata Datuk Seri Najib Razak.

Di samping itu, Perdana

Menteri berkata, prosedur operasi standard (SOP) berhubung banjir turut dikaji semula dengan mengambil kira kemungkinan banjir lebih serius dan luar biasa.

Kenal pasti punca bah

“Bencana banjir adalah fenomena berlaku di negara kita apabila tibanya musim tengkujuh. Namun pada tahun ini, krisis banjir yang melanda adalah lebih serius daripada biasa.

“Oleh itu, penting bagi kita mengenal pasti punca berlaku banjir luar biasa,” katanya.

Najib berkata demikian dalam rakaman audio Siaran Radio Perdana Menteri mengenai bencana banjir luar biasa yang melanda dan langkah ke-

“

Krisis banjir yang melanda adalah lebih serius daripada biasa. Oleh itu, adalah penting bagi kita mengenal pasti punca berlaku banjir luar biasa”

Najib Razak,
Perdana Menteri

rajaan untuk membantu mangsa banjir yang dimuat-naik dalam blog NajibRazak.com, semalam.

Perdana Menteri juga berkata, kerajaan sedang mengambil langkah sewajarnya untuk membantu mangsa banjir memulihkan keadaan supaya mereka dapat meneruskan kehidupan.

Bencana banjir besar kali ini disifatkan sebagai ‘tsunami’ melanda beberapa negeri di pantai timur dan utara semenanjung.

Kelantan antara negeri paling teruk terjejas dengan menyaksikan banyak penduduk kehilangan harta benda, selain pelbagai kemudahan awam rosak teruk.